

DOKUMEN SEBUTHARGA

**SEBUTHARGA PEMBEKAL UNTUK
MENAIKTARAF APLIKASI UNTUK YAYASAN
WARISAN ANAK SELANGOR UNTUK YAYASAN
WARISAN ANAK SELANGOR**

**TARIKH TUTUP SEBUTHARGA:
12.00 TENGAH HARI,
13 OKTOBER 2023 (JUMAAT)**

**NO RUJUKAN SEBUTHARGA:
YAWAS/SEBUTHARGA/2023/002**

**DISEDIAKAN OLEH :
YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR (YAWAS)**

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.	Jadual 1	- Kenyataan Sebutharga	3 - 4
2.	Jadual 2	- Arahan kepada Penyebutharga	5 - 10
3.	Jadual 3	- Syarat-syarat kepada Penyebutharga	11 - 17
4.	Senarai Semak		18
5.	Lampiran A	- Surat Akuan Pembida	19
6.	Lampiran B	- Keterangan Mengenai Penyebutharga	20 - 22
7.	Lampiran C	- Surat Akuan Penyebutharga	23 - 24
8.	Lampiran D	- Jadual Tawaran Harga	25
9.	Lampiran E	- Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal	26 - 29
10.	Lampiran F	- Senarai Pengalaman	30
11.	Lampiran G	- Sebutharga untuk Bekalan/Perkhidmatan	31 - 33

KENYATAAN SEBUTHARGA

JADUAL 1

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) mempelawa syarikat-syarikat bertaraf dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta mempunyai kemampuan dari segi kewangan pembekalan berikut:-

NO. SEBUT HARGA	TAJUK TAWARAN SEBUT HARGA	TARIKH DOKUMEN BOLEH DIPEROLEHI	TARIKH TUTUP
YAWAS/SEBUTHARGA/2023/002	CADANGAN KERJA UNTUK MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR	09 Oktober 2023 HINGGA 13 Oktober 2023	13 Oktober 2023 (12.00 pm)

1. Dokumen Sebut Harga ini adalah **PERCUMA** dan boleh diperolehi dalam tempoh yang dinyatakan dengan memuat turun **Dokumen Spesifikasi Sebut Harga** di laman web www.yawas.my/tender.php
2. YAWAS berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan atau membatalkan pelawaan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana pemohon. Semua keputusan adalah muktamad.
3. Hanya syarikat yang mematuhi syarat-syarat di atas sahaja layak untuk menyertai Sebut Harga ini. Borang perakuan pendaftaran syarikat lengkap dengan profil syarikat hendaklah dihantar semasa mengemukakan dokumen Sebut Harga.
4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bertutup dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang ditetapkan di pejabat seperti berikut:

PETI TAWARAN, YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Aras 5, Kompleks Generasi Muda & Sukan Negeri Selangor, Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan

5. Tawaran yang diterima lewat tidak akan diberi pertimbangan dan YAWAS juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

PENGURUSAN YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR
TEL : 03-5481 8828 FAKS : 03-5524 2068

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

JADUAL 2

**ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
NO. SEBUTHARGA: YAWAS/SEBUTHARGA/2023/002**

**SEBUTHARGA BAGI PEMILIHAN PEMBEKAL UNTUK KERJA MENAIKTARAF
APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR**

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga ini adalah untuk pemilihan pembekal untuk kerja menaiktaraf aplikasi YAWAS untuk Yayasan Warisan Anak Selangor.
- 1.2 Sebut Harga ini adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-Syarat Am dan Syarat-Syarat Khas yang ditetapkan.

2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 2.1 Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 2.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah ditaip.
- 2.3 Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 2.4 Borang-Borang Yang Perlu Diisi

2.4.1 Surat Akaun Pembida (Lampiran A)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak.

2.4.2 Borang Keterangan Mengenai Penyebut Harga (Lampiran B)

- i. Nama Penyebut Harga : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan.
- ii. Alamat Perniagaan : Alamat yang betul di mana penyebut harga boleh dihubungi melalui surat. Penyebut Harga hendaklah memaklumkan kepada pihak YAWAS jika berlaku pertukaran alamat.

- iii. No. Telefon/HP/fax : Perlu dinyatakan untuk dihubungi.
- iv. Taraf Penyebut Harga : Nyatakan sama ada taraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan. Ketiadaan sijil tersebut menyebabkan Penyebut Harga akan ditakrif sebagai bukan Bumiputera.
- v. Modal Syarikat : Jika bukan Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank.

2.4.3 Surat Aduan Penyebut Harga (**Lampiran C**)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak.

2.4.4 Jadual Harga Sebut harga (**Lampiran D**)

Kadar harga yang ditawarkan adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan item-item yang terkandung dalam lampiran ini.. Jika terdapat item yang tidak dikenakan bayaran, maka Penyebut Harga perlu menyatakannya sebagai "tidak dikenakan bayaran bagi item ini". Pihak Urus setia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira semula berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebut Harga maka kadar harga yang akan diambil kira adalah pada borang di **Lampiran Q**. Kadar harga yang dalam borang **Lampiran D** dicatatkan mestilah sama dengan kadar harga di **Lampiran Q**.

2.4.5 Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal (**Lampiran E**)

Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi

2.4.6 Senarai Pengalaman (**Lampiran F**)

Penyebut Harga hendaklah mengisi borang di lampiran ini dengan menyatakan pengalaman dalam bidang perkhidmatan berkenaan (jika ada).

2.4.7 Sebutharga Bekalan/ Perkhidmatan (**Lampiran Q**)

Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai Penyebut Harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.

3. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

- 3.1 Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

4. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- 4.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 4.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)

5. DOKUMEN-DOKUMEN TAWARAN PENYEBUT HARGA

5.1 DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN & TEKNIKAL

- 5.1.1 Pada peringkat penyediaan cadangan kewangan & teknikal, Penyebut Harga perlu mencetak satu (1) set jadual tawaran harga untuk dimasukkan sebagai dokumen sokongan dalam sampul.
- 5.1.2 Penyebut Harga hendaklah menyerahkan Dokumen yang di alamat yang ditetapkan dalam Kenyataan Tawaran sebelum atau pada **13 Oktober 2023 (sebelum jam 12.00 tengahari)**

5.1.3 YAWAS tidak akan bertanggungjawab di atas kegagalan penerimaan Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal atau kehilangan borang-borang berkaitan Sebut Harga tersebut.

6. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

6.1 Dokumen sebutharga hendaklah dikemukakan bersama sampul surat seperti berikut :

- i. Lampiran A - Surat Akuan Pembida
- ii. Lampiran B - Keterangan Diri Mengenai Penyebutharga
- iii. Lampiran C - Surat Akuan Penyebutharga
- iv. Lampiran D - Jadual Tawaran Harga
- v. Lampiran E - Jadual Penentuan Spesifikasi (BQ)
- vi. Lampiran F – Senarai Pengalaman
- vii. Lampiran G - Sebutharga Bekalan/ Perkhidmatan
- viii. Profil Syarikat
- ix. Salinan Sijil Pendaftaran kod bidang Kementerian Kewangan
- x. Sijil Akuan Taraf Bumiputera
- xi. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

6.2 Penyebutharga hendaklah menyatukan kedua-dua sampul di atas ke dalam satu sampul surat yang lebih besar dan berlakri serta ditandakan sebelah kiri (atas) sampul surat hendaklah ditulis **“YAWAS/SEBUTHARGA/2023/002.**

6.3 Sebutharga hendaklah dialamatkan kepada :

Yayasan Warisan Anak Selangor

Aras 5,
Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor,
Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7,
Persiaran Kayangan, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

6.4 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.

6.5 Penyebut Harga juga diingatkan agar menghantar dokumen Sebut Harga yang **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari (tarikh sebut harga ditutup).** Penghantaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

6.6 YAWAS tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut Harga sekiranya Sebut Harga ini dibatalkan.

SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUTHARGA

JADUAL 3

SYARAT-SYARAT AM

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebut Harga apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

Pembekal yang menyertai Sebut Harga ini mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera dalam bidang Bekalan Sistem dan Aplikasi serta masih sah pendaftarannya semasa syarikat yang berjaya memulakan kerja-kerja kontrak. Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga.

2 HARGA TAWARAN

Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut harga iaitu **90 hari**.

3 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA

3.1 Penyebut harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti kerja bagi Pembekalan Aplikasi di dalam **Lampiran E** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.

3.2 Perkhidmatan Pembekalan Menaiktaraf Aplikasi akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dan "standard" kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran E**.

4 KADAR DENDA

Penyebut Harga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda seperti berikut :

4.1 **Kontraktor gagal** mengikut spesifikasi yang diminta akan dikenakan **potongan bil menurut kadar 10%** daripada jumlah harga **bekalan**.

4.2 **Pembekal gagal** menepati jadual masa yang ditentukan berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan maka akan dikenakan **denda sebanyak 5% dari nilai bekalan** tersebut.
(*kadar denda tertakluk kepada perubahan sekiranya ada).

5 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Tempoh sahlaku Sebut Harga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup.

6 SETUJUTERIMA SEBUT HARGA

YAWAS tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan YAWAS tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab – sebab Penyebut Harga tidak berjaya.

7 PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

7.1 YAWAS sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh YAWAS, aplikasi yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

7.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga aplikasi yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

8 TEMPOH PEMBEKALAN

Tempoh pembekalan bagi naiktaraf aplikasi adalah seperti di **Lampiran F**.

9 PENAMATAN PERSETUJUAN

9.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya YAWAS boleh terus menamatkan persetujuan;

9.1.1 Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;

10 PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara YAWAS dengan Syarikat mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit

daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara YAWAS dengan Syarikat, dirujukkan kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh YAWAS dan seorang oleh Syarikat. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

11 IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh YAWAS terlebih dahulu.

SYARAT-SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 YAWAS boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Penyebut Harga melalui laman web YAWAS sekiranya ada.
- 1.2 Jabatan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal & harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan Penyebut Harga.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan berasaskan harga *Free On Board*. Ini hendaklah termasuk semua kos menghantar memunggah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara Penyebut Harga adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. JADUAL PENGHANTARAN

- 3.1 Penyebut Harga yang berjaya **WAJIB** membuat penghantaran ke Unit Pentadbiran, **Yayasan Warisan Anak Selangor, Aras 5, Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor, Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor** seperti di **Lampiran F**. Kerajaan berhak ke atas penghantaran berdasarkan permintaan yang munasabah dan bagi kes-kes kecemasan.
- 3.2 YAWAS adalah sentiasa berhak untuk menangguhkan atau mempercepatkan jadual penghantaran tersebut bagi memenuhi keperluan semasa.
- 3.3 Penyebut Harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut.
- 3.4 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat.

4. PEMBAYARAN

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

5. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima (PO) akan dihantar oleh YAWAS kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai Kontrak yang mengikat di antara YAWAS dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada Kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

6. HAK YAWAS MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 YAWAS berhak menerima atau menolak mana-mana dokumen Sebut Harga dan membatalkan proses Sebut Harga dan menolak semua dokumen Sebut Harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Penyebut Harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak YAWAS untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Penyebut Harga yang terlibat.
- 6.2 Pihak YAWAS adalah berhak mempersetujui nilai Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan Sebut Harga.
- 6.3 Pertimbangan Sebut Harga ini adalah berasaskan tawaran teknikal, tawaran harga dan keupayaan sebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:
 - a) YAWAS Tidak Terikat Untuk Menawarkan Kontrak Kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan YAWAS adalah muktamad;
 - c) YAWAS berhak memilih lebih dari satu Pembekal;
 - d) YAWAS juga berhak mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu;
 - e) YAWAS berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya;

- f) YAWAS tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebut Harga; dan
- g) Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga tidak akan dilayan.

7. MODAL PUSINGAN

Kontraktor yang berminat mestilah mempunyai kemampuan kewangan dari segi modal pusingan, net worth, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

SENARAI SEMAK

PEMBEKAL UNTUK MENAIKTARAF APLIKASI UNTUK YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Sila Tandakan / bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
SAMPUL TAWARAN KEWANGAN			
1	LAMPIRAN A- Surat Akuan Pembida		
2	LAMPIRAN B - Keterangan Mengenai Penyebutharga		
3	LAMPIRAN C- Surat Akuan Penyebutharga		
4	LAMPIRAN D- Jadual Tawaran Harga		
5	LAMPIRAN G - Sebutharga untuk Bekalan/Perkhidmatan		
6	Salinan sijil pendaftaran kod bidang dengan Kementerian Kewangan		
7	Salinan Sijil Taraf Bumiputera		
8	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
SAMPUL TAWARAN TEKNIKAL			
10	LAMPIRAN E - Jadual Penentuan Spesifikasi Teknikal		
11	LAMPIRAN F – Senarai Pengalaman		
12	Brosur/ Risalah		

<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh</p>	<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>
---	---

LAMPIRAN A

SURAT AKUAN PEMBIDA

SEBUTHARGA YAWAS: YAWAS/SEBUTHARGA/2023/002 MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR

Saya,.....nombor K.P
yang mewakili nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam **Yayasan Warisan Anak Selangor** atau mana-mana individu
lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini
dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas
untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Yayasan Warisan Anak
Selangor** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender /sebut
harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana- mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUTHARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:
(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____
ii. Telefon Bimbit : _____
iii. Fax : _____
iv. Cawangan : _____

1. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

4.1. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____
(Wajib menyertakan salinan sijil) Hingga : _____

4.2. Taraf Penyebut Harga: *Bumiputera/Bukan Bumiputera
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

5. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

6.1. Perseorangan:

Nama Pemilik: _____

No. K/P: _____

6.2. Perkongsian:

Nama Pekongsi	No. K/Pengenalan	% Kongsian

6.3. Sendirian Berhad/Berhad

Nama Pemegang Saham	No. K/Pengenalan	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

7. PENGALAMAN: (Sila nyatakan pengalaman berkaitan sebagai **Lampiran H** kepada Sebut Harga ini)

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

Kepada :

**Yayasan Warisan Anak Selangor
Aras 5,
Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor
Seksyen 7 40000
Shah Alam Selangor**

Tuan,

**NOMBOR RUJUKAN SEBUTHARGA : YAWAS/SEBUTHARGA/2023/002
MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN WARISAN ANAK
SELANGOR**

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat _____
_____ mengambil bahagian dalam
Sebutharga **MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN WARISAN
ANAK SELANGOR** . Harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah
(berjumlah RM_____)

2. Syarikat sebagai Penyebut Harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat sebutharga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen sebutharga Syarikat juga telah memahami bahawa YAWAS berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Syarikat bersetuju bahawa harga sebutharga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebutharga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada sebutharga ini dan meminda harga.

4. Selanjutnya sekiranya sebutharga syarikat ini diterima, syarikat akan memberi cagaran keselamatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh terima surat tawaran daripada YAWAS. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas pembekalan yang dibuat kepada YAWAS setelah pembekalan tersebut disahkan oleh unit yang bertanggungjawab di YAWAS.

5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen sebutharga yang digunakan untuk sebutharga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat

LAMPIRAN D

JADUAL SEBUT HARGA MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN
WARISAN ANAK SELANGOR

JADUAL TAWARAN HARGA

BIL	ITEM/JENAMA ATAU SETARAF DENGANNYA	KUANTITI YANG DIPERLUKAN	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
1.	PENAMBAHBAIKKAN APLIKASI YAWAS	1		

**JADUAL SEBUTHARGA MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS UNTUK YAYASAN
WARISAN ANAK SELANGOR**

JADUAL PENENTUAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

Bil	Perkara	Unit	Jumlah (RM)
1	Penambahbaikan Aplikasi Yawas	1	
	Penambahbaikan: <ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran melalui aplikasi YAWAS • Kategori Pendaftaran Manfaat: <ul style="list-style-type: none"> o Iltizam Anak Selangor o Tabung Warisan Anak Selangor(TAWAS) o Skim Asuhan Anakku Pintar(AsuhPintar) o Skim Bantuan Tadika Selangor(TUNAS) o Skim Mesra Usia Emas(SMUE) o Skim Kesihatan Wanita Selangor o Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak(KIPK) o Iltizam Anak Istimewa Selangor ANIS o Impak o <i>Optical Character Recognition (OCR)</i> menggunakan Mykid, MyKad dan Sijil Kelahiran • Pengurusan Kempen pendaftaran online untuk program baru dan program sementara. <ul style="list-style-type: none"> o Nama kempen pendaftaran online o Pemilihan jenis dan kategori pendaftaran o Tarikh permulaan dan pengakhiran Kempen o Templat borang pendaftaran online o Terma dan syarat pendaftaran o Document yang diperlukan untuk pendaftaran online contoh, Mykid, MyKad and Sijil 		

	<p>Kelahiran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelulusan dan kegagalan permohonan o Pengesahan manual terhadap Sistem OCR o Pengesahan status Kelulusan pendaftaran o Automatik emel/sms status permohonan • Lain-lain o Templat baru Sms dan Email o Pengurusan kandungan o Log sistem, Audit Trails o Help • Penambahan Laporan Baru o Laporan Permohonan Baru o Ringkasan Laporan Permohonan Baru o Laporan Kategori Ahli o Laporan Terperinci Kelulusan / Penolakan Permohonan Ahli o Ringkasan Laporan Kelulusan / Penolakan Permohonan Ahli • Penambahbaikan Laman Sesawang/<i>WebAPI</i> DUN/Merchant APP untuk info terbaru Yawas <p>Database</p>		
2	Pembinaan Ekosistem Impak	1	
	<p>Penambahan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan sistem pengasuh o Templat Borang Pendaftaran Online Pengasuh o Kategori Pengasuh o Jenis Pengasuh o Pencipta Profile Pengasuh 		

<ul style="list-style-type: none"> o <i>Optical Character Recognition (OCR)</i> menggunakan MyKid, MyKad dan Sijil Kelahiran • Pengurusan Kursus Pengasuhan o Borang Pendaftaran Kursus Dalam Talian o Templat Sijil Kursus o Penerbitan Sijil Kursus o Penarikan Semula Sijil Kursus o Pembaharuan Semula Sijil Kursus • Kelulusan / Penolakan Permohonan Pengasuh o Optical Character Recognition (OCR) on pada MyKid, MyKad dan Sijil Kelahiran o Pengesahan Manual berbanding OCR o Kelulusan / Penolakan Permohonan o E-mel / SMS automatik mengenai Status Permohonan • Katalog Pengasuh (Untuk Ahli YAWAS) o Pilihan & Penyerahan Pengasuh o Permohonan Kelulusan Pengasuh o Penilaian Pelanggan dan Komen • Lain-lain o Pengurusan Kandungan o Log o Help o Templat SMS dan e-mel baru • Laporan Baru o Laporan Butiran Permohonan Pengasuh o Laporan Ringkasan Permohonan Pengasuh o Laporan Butiran Pendaftaran Kursus o Laporan Ringkasan Pendaftaran Kursus o Laporan Butiran Permohonan Pengasuh Mengikut Ahli
--

	<ul style="list-style-type: none"> o Laporan Ringkasan Permohonan Pengasuh Mengikut Ahli o Laporan Butiran Pembayaran Kepada Ahli o Laporan Ringkasan Pembayaran Kepada Ahli 		
3.1	Portal Ahli (Untuk Ahli YAWAS yang log masuk melalui laman web)	1	
	<ul style="list-style-type: none"> • Fungsi Pendaftaran Ahli Baru dalam Laman Web • Pendaftaran Pengasuh Baru dalam Laman Web • Pendaftaran Kursus Pengasuh Baru o Penilaian Pelanggan dan Ulasan • Penambahbaikan Baru pada Maklumat Saya o Status Permohonan Ahli o Status Permohonan Pengasuh o Status Kursus Pengasuh o Senarai Pemohon untuk Pengasuh o Status Penebusan Baucar Baru • Paparan Baru semua Pengasuh berdekatan saya, hubungi dan alamat 		
3.2	Penambahbaikan Aplikasi Dun	2	
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyokong 1 x iOS dan 1 x Android OS sahaja Penambahbaikan Baru untuk Pengguna DUN • Perubahan pada Papan Pemuka (Dashboard) • Pendaftaran Ahli Baru secara Manual • Pendaftaran Pengasuh Baru • Pendaftaran Kursus Pengasuh Baru • Katalog Pengasuh Baru • Penambahbaikan Baru pada Pengurusan Kandungan • Laporan-laporan Baru 		

	<ul style="list-style-type: none"> o Laporan Butiran Pengasuh DUN o Laporan Ringkasan Pengasuh DUN o Laporan Butiran Permohonan Pengasuh oleh Ahli - Mengikut DUN o Laporan Ringkasan Permohonan Pengasuh oleh Ahli - Mengikut DUN 		
3.3	Penambahbaikan Aplikasi YAWAS	2	
	<ul style="list-style-type: none"> • Menyokong 1 x iOS dan 1 x Android OS • F.O.C. pada Huawei HarmonyOS • Fungsi Pendaftaran Ahli Baru Baru o Dengan Pilihan Jenis Permohonan o Pendaftaran Pengasuh Baru • Pendaftaran Kursus Pengasuh Baru • Katalog Pengasuh dan Troli o Penilaian dan Komentor Pelanggan • Penambahbaikan Baru pada Maklumat Saya o Status Permohonan Ahli o Status Permohonan Pengasuh o Status Kursus Pengasuh o Senarai Permohonan Pengasuh o Status Penebusan Baucer Baharu • Paparan Baru semua Pengasuh berdekatan saya, hubungan dan alamat 		
4	Perkhidmatan Pengintegrasian Sistem YAWAS Ke Sistem Aplikasi		
	Penyesuaian tambahan dan pembangunan: <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan <i>Backend</i> YAWAS • Perkhidmatan Pemindahan Data 		

	Nota:Spesifikasi pengintegrasian akan disediakan oleh YAWAS		
5	PERKHIDMATAN PENGURUSAN PROJEK		
	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Projek - 1 Hari • Spesifikasi Keperluan Pengguna - 1 Hari • Spesifikasi Keperluan Fungsi - 7 Hari • Ujian Dalaman Sistem - 2 Hari • Ujian Penerimaan Pengguna - 1 Hari • Pemasangan & Konfigurasi Sistem - 1 Hari • Latihan Pengguna - 1 Hari • Manual Pengguna - 1 Hari 		

Spesifikasi Tambahan :

1. Pembekal **WAJIB** membekal keseluruhan item dalam masa **120 HARI** dari **tarikh Pesanan Tempahan (PO) dikeluarkan** mengikut keperluan pihak kami.
2. Pembekal **MESTI** menyediakan *Authorised Service Provider (ASP) In-site support*. 1 orang *ASP* boleh dihubungi sepanjang tempoh jaminan iaitu (8 jam x 5 hari seminggu) bagi kerja-kerja sokongan pelanggan dalam tempoh jaminan.
3. **Kadar denda** jika pembekal gagal melakukan bekalan berikut :-
 - a) kadar potongan **10%** – gagal mengikut spesifikasi yang diminta
 - b) kadar potongan **5%** – gagal menepati jadual masa yang ditentukan

LAMPIRAN F

**SENARAI PENGALAMAN DALAM PEMBEKALAN DAN MENAIKTARAF
APLIKASI DI LAIN-LAIN AGENSI**

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak	
				MULA	TAMAT

***Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi**

***Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi**

LAMPIRAN G

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga

YWS/SEBUTHARGA/2023/002

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)

.....

.....

No. Tel:

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan:

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Yayasan Warisan Anak Selangor (Alamat Lengkap)

Aras 5, Kompleks Generasi Muda dan Sukan Negeri Selangor, Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor

No. Telefon: 03-54818828

Tarikh:

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan **DIHANTAR SENDIRI OLEH PEMBEKAL KEPADA URUS SETIA**

1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **SEPERTI SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN**

1.3. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh:

Tandatangan:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh YAWAS				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
	<p>MENAIKTARAF APLIKASI YAWAS</p> <p>Tarikh Penyerahan/ penyempurnaan</p> <p>Ditawarkan MENGIKUT PENENTUAN KERJA DITETAPKAN DI LAMPIRAN D DAN LAMPIRAN E</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				
				JUMLAH	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

.....

.....

Tarikh :

